

Media Title : Harian Metro
Headline : Lelaki rugi RM138k diperdaya sindiket 'phone scam'
Date : 27 November 2024
Section : Lokal
Page : 12



Lelaki rugi RM138k diperdaya sindiket 'phone scam'

Kuala Lumpur: Seorang eksekutif swasta di sebuah syarikat swasta kerugian RM138,000 akibat diperdaya sindiket *phone scam* yang mendakwa nombor telefon mangsa digunakan untuk kegiatan jenayah.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman Datuk Seri Ramli Mohamed Yoo-suf berkata, semuanya bermula apabila mangsa yang juga lelaki berusia 37 tahun mendakwa menerima panggilan daripada sebuah syarikat e-dagang, pertengahan Oktober lalu.

"Ketika dihubungi sindiket, mangsa menafikan dia terbabit dengan kegiatan itu sebelum panggilannya disambung kepada beberapa individu yang menyamar sebagai anggota polis.

"Hasil siasatan, mangsa menyerahkan wang RM100,000 kepada seorang wanita, juga dipercayai mangsa penjenayah sama yang dipaksa mengambil wang berkenaan bagi pihak sindiket," katanya pada sidang media di Menara KPJ, di sini, semalam.

Menurut beliau, selain wang RM100,000, mangsa turut melakukan transaksi berjumlah RM38,000 ke satu akaun bank diberi sindiket.

Ramli berkata, hasil siasatan, pihaknya berjaya menahan wanita tempatan berusia 30-an berkenaan dan mendapati dia diperdaya untuk membuat pinjaman bank berjumlah RM89,000 yang kemudiannya dimasukkan ke dalam akaun sindiket," katanya.